

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MALAYSIAN FURNITURE TIGA LIMA (MFT 35)  
SDN. BHD.

MUHD FAZIL HAFIZ TAKYUDDIN  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

2005

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
5001

1100045001



LI 25 FPE 4 2005



1100045001

Laporan akhir latihan industri di Malaysian Furniture Tiga Lima (MF 35) Sdn. Bhd / Mohd Fadzil Hafidz Takyuddin.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

**1|100045001**

1100045001

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri sains mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MALAYSIAN FURNITURE TIGA LIMA (MF 35) SDN. BHD.**

**Oleh :**

**MOHD FADZIL HAFIDZ TAKYUDDIN**  
**Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada**

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100045001**

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya, Mohd Fadzil Hafidz Takyuddin, No. Matrik UK 9249, mengaku bahawa Laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri samata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



**Nama : Mohd Fadzil Hafidz Takyuddin B. Abdul Rahman**

**Tarikh : 14 November 2005**

**Disahkan Oleh :**



**Khatijah Omar**  
Lecturer

**Penyelia KUSTEM**      Department of Management and Marketing  
                                Faculty of Management and Economics  
                                University College of Science and Technology Malaysia

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

**KUSTEM**

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan dan melengkapkan laporan Latihan Industri. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dan sokongan daripada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan laporan ini.

Ucapan penghargaan ini saya ingin tujukan khas dan teristimewa untuk pensyarah saya, Puan Khatijah binti Omar sebagai penyelia Latihan Industri dari Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang banyak memberi tunjuk ajar yang profesional dalam menyiapkan laporan ini. Terima kasih sekali lagi kerana sentiasa bersedia untuk membantu apabila diperlukan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mohd Kamaruddin bin Dato' Haji Ahmad, Pengarah Urusan Malaysian Furniture Tiga Lima (MF 35) selaku ketua penyelia industri dan juga bantuan Puan Che Yah binti Mamat, selaku penyelia Latihan Industri yang juga turut membantu dan sedia memberi tunjuk ajar walaupun sibuk dengan tugas masing-masing sepanjang saya menjalani Latihan Industril di MF 35 ini.

Tidak lupa juga kepada semua tenaga kerja MF 35 yang banyak memberi maklumat serta komitmen dalam merealisasikan ilmu yang saya pelajari semasa saya menjalani Latihan Industri di MF 35. Semoga ia memberi sejuta manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

Terima kasih juga saya ucapkan buat ibu bapa saya, ahli keluarga serta teman-teman setia kerana banyak memberi nasihat dan perangsang sepanjang saya menjalani latihan ini. Sesungguhnya segala jasa dan sumbangan yang kalian hulurkan tidak dapat saya membalasnya dan kepada Allah sahaja saya berserah. Amin.....

Sekian, Terima Kasih.

## **SENARAI ISI KANDUNGAN**

**Mukasurat**

**Senarai Jadual**

**Senarai Rajah**

**Ringkasan Eksekutif**

### **BAB 1 LATARBELAKANG ORGANISASI**

<b>1.1</b>	<b>Sejarah Ringkas Organisasi</b>	<b>1</b>
1.1.1	Logo	3
1.1.2	Polisi Organisasi	4
1.1.3	Matlamat Organisasi	4
1.1.4	Misi dan Visi Organisasi	5
1.1.5	Piagam Pelanggan	5
1.1.6	Tumpuan Pasaran	6
1.1.7	Kekuatan Organisasi	8
<b>1.2</b>	<b>Maklumat Organisasi</b>	<b>9</b>
1.2.1	Pemegang Saham dan Ahli Lembaga Pengarah	11
1.2.2	Aset-aset Syarikat	11
1.2.3	Gambar Syarikat	12
<b>1.3</b>	<b>Carta Organisasi</b>	<b>13</b>
1.3.1	Unit/Jabatan	15
1.3.2	Tugas dan Tanggungjawab Setiap Unit/Jabatan	16

1.4	Aktiviti Organisasi	18
1.4.1	Program Pemasaran Bersepadu	18
1.4.2	Kegiatan Utama dan Produk Keluaran Syarikat	21
1.5	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	25

**BAB 2 MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

2.1 Sistem Penerimaan Barang Masuk	27
2.1.1 Sistem Sedia Ada	27
2.1.2 Mengenalpasti Masalah	29
2.1.3 Rumusan dan Analisis Perbincangan	30
2.1.4 Cadangan Penyelesaian	32
2.1.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	34
2.2 Sistem Permohonan Cuti	35
2.2.1 Sistem Sedia Ada	35
2.2.2 Mengenalpasti masalah	37
2.2.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	37
2.2.4 Cadangan Penyelesaian	39
2.2.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	39
2.3 Sistem Penyelenggaraan Kerosakan	40
2.3.1 Sistem Sedia Ada	40
2.3.2 Mengenalpasti Masalah	47
2.3.3 Rumusan Analisis dan Perbincangan	48
2.3.4 Cadangan Penyelesaian	49
2.3.5 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	51

## **BAB 3 PENUTUP**

3.1	Kesimpulan	53
RUJUKAN		54
LAMPIRAN		

## **SENARAI JADUAL**

**Mukasurat**

Jadual 2.1	Nama dan Kegunaan Mesin	42
Jadual 2.2	Kategori Aset	44
Jadual 2.3	Kerosakan Jentera Mesin	45

## **SENARAI RAJAH**

### **Mukasurat**

Gambarajah 1.1 Logo Malaysian Furniture Tiga Lima (MF 35) Sdn Bhd	3
Gambarajah 1.2 Gambar Syarikat	12
Gambarajah 1.3 Carta Organisasi Barisan Kepimpinan	13
Gambarajah 1.4 Carta Organisasi MF 35	14
Gambarajah 1.5 Kelengkapan Perabot Untuk Peringkat Sekolah	22
Gambarajah 1.6 Kelengkapan Perabot Untuk Kementerian Pertahanan	23
Gambarajah 1.7 Kelengkapan Perabot Untuk Barang Eksport	24
Gambarajah 2.1 Carta Alir Sistem Penerimaan Barang Masuk	28
Gambarajah 2.2 Carta Alir Sistem Permohonan Cuti	36
Gambarajah 2.3 Carta Aliran Sistem Penyelenggaraan Kerosakkan	46

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam usaha untuk melahirkan graduan yang mempunyai kesepadan ilmu dan cekap dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Latihan Industri di lihat sebagai satu landasan terbaik kepada para pelajar untuk mendedahkan diri ke alam pekerjaan sebenar disamping mengaplikasikan semaksimum mungkin ilmu yang telah dipelajari sepanjang pengajian di kampus.

Sebagai seorang pelajar dibawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah mewajibkan pelatih menjalani Latihan Industri selama tiga bulan. Pelatih telah memilih Malaysian Furniture Tiga Lima (MF 35) Sdn. Bhd sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri tersebut. MF 35 merupakan sebuah organisasi perniagaan yang ditubuhkan bagi mengeluarkan produk berasaskan perabot. Syarikat ini telah berdiri teguh dan berjaya mendapat tempat dapat pasaran dengan menyediakan produk bermutu dan berkualiti. Oleh yang demikian, selama tiga bulan menjalani Latihan Industri di organisasi terbabit, pelatih telah mendapat tunjuk ajar bagi menjadi seorang pekerja yang melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi.

Di sinilah pelatih akan belajar untuk bergaul dan berkomunikasi dengan golongan profesional, pekerja, pelanggan dan persekitaran kerja. Sebagai seorang bakal graduan Pemasaran yang berada dalam kelas profesional, komunikasi sangat penting dalam memimpin pekerja di bawah jagaan mereka. Di samping itu, komunikasi yang berkesan dengan para pelanggan sangat penting untuk merapatkan hubungan bagi memastikan pelanggan berpuashati dan setia dengan syarikat tempat mereka bekerja.

Selain daripada mendedahkan pelatih kepada aspek pengurusan dan sahsiah diri, Latihan Industri juga dapat mendedahkan pelatih tentang persekitaran kerja yang meliputi aspek kemahiran mengenali dan mengendalikan peralatan yang biasa digunakan di lantai pengeluaran, operasi yang dijalankan, inventori, kemahiran menggunakan mesin-mesin asas dan lain-lain lagi. Seseorang graduan akan lebih berwibawa jika dapat memahami dan mendalami semua operasi yang dijalankan di lantai pengeluaran. Ini kerana, jika berlaku sesuatu masalah, mereka dapat mengesan di manakah kesilapan atau kerosakan yang menyebabkan terjadinya masalah tersebut.

Para pelatih juga sangat digalakkan supaya dapat menyumbangkan idea-idea berasas kepada syarikat tempat mereka menjalani latihan. Sumbangan buah fikiran seperti ini diharap dapat memajukan lagi syarikat. Di sinilah pelatih perlu menggunakan sebaik mungkin ilmu di dada untuk dijadikan sumbangan dan tanda terima kasih kepada syarikat kerana sudi menerima pelatih menjalani Latihan Industri di kilang ini. Dengan sumbangan idea ini juga, tidak mustahil bagi sesebuah syarikat untuk terus menawarkan peluang pekerjaan kepada pelatih apabila mereka keluar daripada institusi pengajian mereka kelak.